

Qalam

Bilangan 111 Rabiul Akhir 1379 Oktober 1959 60 sen

Jagalah Hak-Hak Bersama

Tun Abdul Razak bin Hussein, Timbalan Perdana

Menteri Persekutuan dalam ucapannya di Kuala Muda dikatakan berkata bahawa PAS tidak mempunyai perdirian dengan kerana PAS bersedia memberi kerjasama dengan Perikatan dalam perkara-perkara yang membawa kebaikan kepada maslahat orang-orang Melayu umumnya, seperti yang diucapkan oleh Dr. Burhanudin dalam Persidangan Pembukaan *Parliament* baru-baru ini.

Peribadi Tun Abdul Razak, di dalam beberapa masa yang lampau ini adalah dipandang tinggi oleh orang-orang Melayu. Sepanjang-panjang masa yang lalu, kita belum pernah mendengar beliau mengatakan perkara-perkara yang menyakiti perasaan umat Islam seperti yang pernah diucapkan oleh Tengku Abdul Rahman. Pandangan ini lebih-lebih lagi dihargakan orang dalam masa beliau menghadapi krisis Perikatan yang dilakukan oleh puak-puak yang tidak puas hati dalam M.C.A. tempoh hari.

Ucapan-ucapan beliau di dalam pilihanraya, rasanya tidak pernah kita mendengar yang beliau ada mencabar dasar-dasar Islam dan orang-orang berpendapat bahawa beliau lebih banyak mempertahankan dan memperjuangkan hak-hak keutamaan orang-orang Melayu.

Sebab itu baik lawan atau kawan sedikit sebanyaknya adalah meghormati dan menghargakan perdirian beliau. Kerana penghargaan yang demikian itulah kita menulis di sini dengan tujuan menjaga kebersihan diri beliau supaya beliau jangan termasuk ke dalam golongan-golongan yang banyak menggunakan sentimen di dalam perjuangannya untuk kebijakan am.

Sebagai puak pembangkang yang sihat, PAS telah menunjukkan coraknya bersedia memberi kerjasama kepada

kerajaan Perikatan di dalam perkara-perkara yang membawa kepada kebijakan bangsa Melayu khususnya. Tawaran seperti ini, walaupun datangnya dari pihak lawan, dengan sifat Tun Abdul Razak seorang Melayu, kalau tidak pun mau menerima orang itu semolek-moleknya, menurut pandangan kita, diam ada lebih baik sebab perbuatan menolak tawaran yang berfaedah kepada bangsa Melayu, sudah barang tentu harus akan menimbulkan persangkaan-persangkaan yang tidak baik di kalangan orang-orang Melayu kerana walau bagaimanapun perkara-perkara yang membawa kebaikan untuk orang-orang Melayu, yang mundur di dalam serba-serbinya berhajat diperjuangkan bersama-sama oleh seluruh umat Melayu. Sebaliknya, kata-kata penolakan Tun Abdul Razak itu ditakuti pula kelak akan menimbulkan sangka-sangka bahawa orang yang diharap memperjuangkan cita-cita dan maslahat orang Melayu telah pun lebih mengutamakan kepada maslahat-maslahat lain.

Di dalam masa sekarang kita berharap benar, langkah-langkah Tun Abdul Razak mustahak benar berhati-hati supaya orang-orang yang di luar daripada parti-parti ada menaruh harapan yang penuh kepada beliau. Beliau diharap menjadi orang yang jauh pandangan dan halus di dalam langkah-langkahnya di dalam memperjuangkan cita-cita untuk maslahat bangsa Melayu. Beliau hendaklah memerhati suara-suara dari Singapura yang memandang bahawa perjuangan bangsa Melayu ialah perjuangan perkauman – dan kerana itu apa yang yang ditakuti oleh pemimpin-pemimpin Melayu dahulu itu akan sampai saatnya di dalam masa kesiapan orang-orang Melayu di dalam politik dan ekonomi boleh dikatakan belum ada sedikit jawapan. Belum ada persiapan-persiapan seperti itu untuk Persekutuan Tanah Melayu, ertinya orang-orang Melayu di Persekutuan nanti akan berada seperti orang-orang Melayu di Singapura. Semoga bahaya kepada keselamatan orang-orang Melayu diperhatikan oleh beliau (Tun Abdul Razak) dengan saksama dan diharap benar beliau akan mengorak langkah-langkah yang halus dan tidak menimbulkan sesuatu perasaan kepada am yang mengurangkan pandangan baik orang selama ini kepada beliau.

Islam Tak Dapat Dipisahkan

Dari Masyarakat

Perdana Menteri Singapura, Tuan Lee Kuan Yew dalam ucapannya di Majlis Jamuan Teh *Mawlid Nabawi* yang